

# LAPORAN TAHUNAN

## BILIK BEDAH

### 2023

Disediakan oleh :  **ROSITA BT LEKAR**  
**KETUA JURURAWAT U32**  
**LJN : 29488**  
**HOSPITAL KANOWIT**

Rosita Binti Lekar  
Ketua Jururawat U32,  
Bilik Bedah & CSSS,  
Hospital Kanowit.

Disahkan oleh:  **DR. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT**  
**PENGARAH HOSPITAL,**  
**HOSPITAL KANOWIT.**  
**MMC NO.61590**

Dr Bernadette Syonnia Binti Jaru Sawat  
Pengarah Hospital,  
Hospital Kanowit

## LAPORAN TAHUNAN BILIK BEDAH 2023

BAHAGIAN / UNIT	:	DEWAN BEDAH / UNIT BIUS
AKTIVITI	:	030299 (PENGURUSAN HOSPITAL)
KUASA	:	PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN PERKHIDMATAN ANAESTISIOLOGI
PROGRAM	:	PERKHIDMATAN RAWATAN HOSPITAL

### (1) PENGENALAN:

Bilik Bedah Hospital Kanowit telah mula berfungsi pada bulan Mac 1994 dengan memberikan perkhidmatan bius dan pembedahan kepada pesakit.

### (2) ANALISA KEPERLUAN / DASAR:

Unit Dewan Bedah berperanan penting sebagai sebahagian daripada komponen perkhidmatan rawatan pesakit dan kesihatan dari segi kumpulan sokongan kepada perawatan pesakit luar dan dalam. Unit ini memberikan perkhidmatan anestisiologi dan perkhidmatan pembedahan elektif dan kecemasan.

### (3) UNIT TERBAHAGI KEPADA:

- 3.1 Dewan Bedah Major
- 3.2 Dewan Bedah Minor
- 3.3 Bilik Penyimpanan Barang Steril
- 3.4 Scrubbing area
- 3.5 Bilik penerimaan pesakit / Bilik pemulihan pesakit
- 3.6 Bilik persalinan kakitangan / Tandas
- 3.7 Ruang pejabat /Pantry
- 3.8 Stor penyimpanan bekalan pembedahan
- 3.9 *Air Lock* / Tempat penyimpanan transfer trolley
- 3.10 Bilik Utiliti

**(4) BEBAN KERJA BILIK BEDAH, HOSPITAL KANOWIT**  
(Sila lihat di bawah)

Jumlah kes pembedahan:

TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
JUMLAH	221	36	0	111	154

**(5) STRATEGI**

- (i) Menambahkan lagi bilangan jururawat terlatih yang bertugas di unit ini.
- (ii) Memastikan kawasan Dewan Bedah sentiasa bersih dan mengekalkan tahap suhu dan kelembapan yang sesuai untuk menjalankan pembedahan.
- (iii) Sentiasa berusaha mendapatkan peralatan baru bagi menggantikan peralatan yang lama mengikut spesifikasi yang ditetapkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.
- (iv) Memastikan kakitangan mendapat latihan yang berterusan seperti mengikuti kursus yang dianjurkan oleh jabatan atau kursus dari luar jabatan yang berkaitan dengan bidang tugas bagi meningkatkan prestasi kerja.
- (v) Mewajibkan jururawat U29 yang bertugas di bilik bedah untuk mengikuti kursus pos basic perawatan peri operatif atau kursus ophthalmologi bagi menambahkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pembedahan.
- (vi) Menghantar kakitangan yang baru untuk penempatan di Dewan Bedah Hospital Sibu untuk menimba pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pembedahan serta mendapat sijil privilege untuk menjalankan tugas di Dewan Bedah Hospital Kanowit.

- (vii) Sentiasa berusaha meningkatkan hubungan baik dengan unit-unit lain dan mengamalkan kerja berpasukan untuk perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang.
- (viii) Melatih jururawat sebagai pelapis melalui program Mentor-Mentee bagi menggantikan jururawat yang akan bersara atau berpindah tempat kerja.
- (x) Menghantar PPK yang baru untuk mengikuti kursus tahap 3 bagi memantapkan pengetahuan berkaitan tugas-tugas PPK di dewan bedah dan sebagai pengganti PPK yang bersara.

## (6) OBJEKTIF

- (iii) Memberikan perkhidmatan pembedahan dan anestisiologi yang berkualiti, efektif dan selamat.

## (7) FUNGSI

- (i) Menyediakan perkhidmatan pembedahan elektif dan kecemasan.
- (ii) Memberikan perkhidmatan pembedahan kecemasan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan am.
- (iii) Membantu dalam rawatan (inovatif) pesakit dan diagnosis penyakit melalui pembedahan.
- (iv) Memberikan perkhidmatan anestisiologi seperti bius am, bius tempatan, sedation dan spinal anesthesia. Pemberian bius adalah mengikut jenis pembedahan dan bertujuan supaya pembedahan dapat dilakukan dengan lancar dan teratur tanpa sebarang komplikasi.
- (v) Memberikan jagaan perawatan yang sempurna dan selamat kepada pesakit sebelum, semasa pembedahan dijalankan dan selepas pembedahan selesai.

- (vi) Mengutamakan hak-hak pesakit dan menjaga kerahsiaan pesakit yang menjalani pembedahan.

**(8) IMPAK**

- (i) Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pembedahan mendapat faedah optimum daripada perkhidmatan ini.
- (ii) Hasil kerja yang cekap, cepat dan berkualiti menjadikan proses penyembuhan penyakit, diagnosa dan kesejahteraan amnya menjadi lebih mudah dan mengambil masa yang singkat.
- (iii) Peralatan yang mencukupi dan berfungsi dengan baik akan lebih menjamin keselamatan pesakit.

**(9) PELANGGAN**

- (i) Pegawai Perubatan
- (ii) Wad-wad (Pesakit Dalam)
- (iii) Jabatan Pesakit Luar
- (iv) Klinik Pergigian

**(10) JAWATAN**

- (i) Penolong Pegawai Perubatan U32 - 1
- (ii) Ketua Jururawat U32 - 1
- (iii) Jururawat U32 (KUP) - 1  
(Dipindahkan ke Unit Kawalan Infeksi pada 1/10/2023)
- (iv) Jururawat Terlatih U29 - 2
- (v) Pembantu Perawatan Kesihatan U14(KUP) - 2  
(Seorang PPK bersara pada 16/2/2023)

## (11) KURSUS POS BASIK / LANJUTAN

BIL	KURSUS POS BASIK	JAWATAN	NAMA STAF
1.	Anestesia	1 PPP U32	Mohd Dzulkarzie Bin Taip
2.	Peri Operatif	1 KJ	Rosita Binti Lekar
3.	Pos Basic Optalmik	1 SN	Lily Anak Jetie

## (12) LAIN-LAIN KURSUS YANG DIHADIRI PADA TAHUN 2023

BIL	KURSUS	JAWATAN	NAMA STAF
1.	Jururawat Idamanku	1 KJ 1 SN	Rosita Binti Lekar (urusetia/fasilitator) Sia Su Inn
2.	Safe Surgery Save Lives Symposium	1 KJ 1 PPP	Rosita Binti Lekar Mohd Dzulkarzie Bin Taip
3.	Safe Surgery save lives workshop	1 SN	Sia Su Inn
4.	Basic Life Support	1 SN	Sia Su Inn
5.	Kursus Kawalan Infeksi	1 KJ 1 SN	Rosita Binti Lekar Lily Anak Jetie
6.	Keselamatan Pengubatan	1 SN	Lily Anak Jetie
7.	Penjagaan Luka	1 SN	Lily Anak Jetie
8.	Penyediaan Inden phis & pengurusan stor	1 KJ	Rosita Binti Lekar
9.	Kursus penyusuan susu ibu	1 KJ 1 SN	Rosita Binti Lekar Sia Su Inn
10.	Webinar penerapan peraturan2 pegawai awam & akta jururawat	1 KJ 1 SN	Rosita Binti Lekar Lily Anak Jetie
11.	Hari kesihatan sedunia & bulan pemakanan	1 KJ 1 SN	Rosita Binti Lekar Sia Su Inn
12.	Taklimat cara pelaporan incident reporting (IR)	1 KJ 2 SN	Rosita Binti Lekar Sia Su Inn
13.	Taklimat pengungsian bangunan	1 KJ 2 SN 2 PPK	Rosita Binti Lekar Lily Anak Jetie Sia Su Inn Richard Mathew Bala Regina Leong

### (13) CADANGAN

- (i) Mendapatkan aset perubatan seperti Lampu pembedahan dan set pembedahan yang baru untuk kegunaan di Bilik Bedah memandangkan Hospital Kanowit merupakan Hospital Kluster, peralatan baru dan tambahan diperlukan untuk menjalankan pembedahan yang dilakukan di sini. Lampu pembedahan yang sedia ada sudah lama dan cahaya pun tidak berapa terang.
- (ii) Membina ruang khas untuk penerimaan pesakit yang akan menjalani pembedahan dan mengubahsuai waiting bay menjadi bilik pemulihan dengan sistem *air lock* yang lebih sempurna bagi memenuhi standard MSQH.
- (ii) Membina ruang pejabat untuk penolong pegawai perubatan dan ketua jururawat di bilik bedah untuk penyimpanan fail yang lebih sistematik.
- (iii) Menaiktarap bilik bedah terutama bahagian dinding dan pintu dimana dinding jubin perlu ditukar kepada dinding konkrit dan menukar pintu yang mana telah rosak dan tidak dapat ditutup rapat.
- (v) Menambahkan bilangan Jururawat U29 dan Penolong Pegawai Perubatan U29 yang bertugas di Bilik Bedah.
- (vi) Mendapatkan centralized gas pipeline oxygen dan nitrous oxide.
- (vii) Mendapatkan scavenging system untuk mesin anaesthetic pada tahun 2024
- (x) Menukar pintu utama di bilik bedah dan memasang grill untuk keselamatan.

### (14)Aktiviti sepanjang tahun 2023

- (i) Program berkhatan semasa cuti sekolah.
- (ii) Pertandingan Dekorasi Tahun Baru Cina 2023.
- (iii) Pameran sempena Minggu "Malaysian Patient Safety Goal"
- (iv) Mengendalikan Perhimpunan bulanan.
- (v) Menyampaikan ceramah (CNE) dalam program kejururawatan.
- (vi) Menyampaikan ceramah "Safe surgery saves lives" semasa program Minggu "Malaysian Patient Safety Goal".
- (vii) Sambutan Hari Jururawat Sedunia peringkat hospital Kanowit.
- (viii) Sambutan Ramah Tamah Aidilfitri 2023 Hospital kanowit